


DI P E N G H U J U N G
**P E R T U M B U H A N
B U A T A N ?**




Sejak dua tahun lalu, saham teknologi global melonjak seiring dengan gelombang AI, menambah berbilion, malah trilion dolar kepada nilai pasaran mereka. Namun, kemunculan DeepSeek, yang menawarkan prestasi tinggi dengan kuasa pemrosesan jauh lebih rendah pada kos yang lebih murah, mungkin menandakan bahawa era ini tidak akan bertahan lama.

GANGGUAN AI DEEPSEEK: APA YANG PEMEGANG SAHAM MINORITI PERLU TAHU MENGENAI SAHAM PUSAT DATA DI MALAYSIA?

Landskap Kecerdasan Buatan (AI) berkembang pesat, yang menyaksikan pemain baharu mula mencabar dominasi gergasi teknologi Barat. Salah satu pesaing baharu yang mencetuskan gangguan ini ialah DeepSeek, sebuah syarikat pemula AI dari China yang semakin mendapat perhatian dengan model AI canggihnya, DeepSeek R1.

Tidak seperti model AI tradisional yang memerlukan sumber pengkomputeran yang besar, DeepSeek R1 direka untuk kecekapan. Ia mampu menghasilkan prestasi tinggi dengan penggunaan kuasa pemrosesan yang jauh lebih rendah serta kos yang lebih murah. Inovasi ini memberikan kesan yang besar kepada industri yang bergantung pada infrastruktur AI, termasuk pusat data.



Kemunculan DeepSeek telah mencetuskan gelombang kejutan di pasaran saham, melenyapkan hampir AS\$1 trilion daripada nilai pasaran di Amerika Syarikat. Bursa Malaysia turut merasai tempiasnya. Sehingga akhir Januari 2025, gabungan faktor kemunculan DeepSeek serta dasar cip AS yang lebih ketat menghapuskan permodalan pasaran sebanyak RM23 bilion dalam 15 syarikat proksi AI di Bursa Malaysia¹.

Di Malaysia, syarikat seperti YTL Power International Berhad (YTL Power) dan Mah Sing Group Berhad (Mah Sing) giat melabur dalam pusat data, dengan jangkaan pertumbuhan yang berterusan dalam kuasa pengkomputeran berasaskan AI. Namun, kemunculan model DeepSeek membuktikan bahawa AI berprestasi tinggi boleh beroperasi dengan keperluan perkakasan yang lebih sedikit, menyebabkan pertumbuhan pusat data berskala besar mungkin tidak berkembang seperti yang dijangkakan sebelum ini.

Persoalan utama kini ialah apakah kesan perubahan ini terhadap syarikat pusat data di Malaysia, dan apakah yang perlu diketahui oleh pelabur tentang teknologi AI DeepSeek?

Pencabar AI yang Mengubah Permainan

Watak utama yang menerajui gangguan ini ialah DeepSeek R1, model AI yang mencabar keperluan infrastruktur AI tradisional dengan melaksanakan lebih banyak tugas dengan sumber yang lebih sedikit. Sebelum ini, model AI memerlukan kuasa pengkomputeran dan tenaga yang besar untuk berfungsi dengan cekap. Permintaan ini

¹ US chip policy, DeepSeek wipe out RM23b market cap in 15 AI proxy companies on Bursa, theedgemalaysia.com, diakses melalui <https://theedgemalaysia.com/node/742734>

mendorong pertumbuhan pelayan berprestasi tinggi (high-performance servers), pengkomputeran awan serta pusat data berskala besar.

Kehadiran DeepSeek R1 mengubah formula ini. Daripada bergantung pada infrastruktur yang mahal dan intensif sumber, ia direka untuk melaksanakan tugas kompleks dengan penggunaan sumber pemprosesan yang lebih rendah. Bayangkan seorang chef hebat yang mampu menyediakan hidangan mewah dengan hanya beberapa bahan asas, tanpa memerlukan dapur yang penuh dengan peralatan canggih. Kecekapan ini menjadikan AI lebih mudah diakses dan menjimatkan kos, sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap infrastruktur pengkomputeran berskala besar.

Tambahan pula, pendekatan sumber terbuka DeepSeek menjadikan teknologi ini lebih meluas dan mudah digunakan. Tanpa sekatan daripada lesen perisian yang mahal, pembangun, perniagaan dan penyelidik di seluruh dunia boleh menggunakan, mengubah suai serta menambah baik model AI DeepSeek secara bebas. Bayangkan sebuah buku resipi komuniti, mana-mana chef terkenal boleh berkongsi resipi terbaik mereka secara percuma. Hal ini membolehkan sesiapa sahaja menyesuaikan, bereksperimen serta mencipta versi mereka sendiri.

Walaupun pendekatan ini membuka peluang kepada lebih ramai pengguna AI, ia juga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengendali pusat data serta pelabur yang bergantung pada pertumbuhan infrastruktur AI dalam jangka panjang. Jika AI semakin kurang bergantung pada kuasa pengkomputeran berskala besar, apakah kesannya terhadap permintaan untuk pusat data?

Apakah Kaitan Pusat Data dengan AI?

Sebelum kemunculan DeepSeek, model AI amat bergantung pada tenaga dan memerlukan pusat data besar untuk menyimpan maklumat serta menjalankan pemprosesan. Pusat data ialah bangunan khusus yang dipenuhi dengan komputer berkuasa tinggi yang mengurus dan menyimpan sejumlah data digital yang besar.

Ledakan AI global sebelum ini meningkatkan permintaan terhadap pusat data, memberikan manfaat kepada syarikat yang telah banyak melabur dalam sektor ini seperti YTL Power dan Mah Sing. Syarikat-syarikat ini telah mengembangkan pelaburan, menjangkakan pertumbuhan AI akan mendorong permintaan bagi ruang pelayan, bekalan kuasa dan projek infrastruktur berskala besar.

Bagaimanapun, kemunculan model AI DeepSeek yang lebih cekap telah mengubah dinamik ini. Model ini memerlukan kuasa pemprosesan dan tenaga yang lebih rendah, yang menyebabkan permintaan terhadap pusat pengkomputeran AI berskala besar mungkin akan berkurangan. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada syarikat yang meletakkan harapan pada pertumbuhan sektor ini dapat mencapai pulangan seperti yang diharapkan.

Kesan DeepSeek terhadap Syarikat Awam Tersenarai di Malaysia

Kemunculan mendadak model AI DeepSeek memberikan kesan besar kepada pasaran saham Malaysia, khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data. Indeks Teknologi Bursa Malaysia menyusut 2.3%², sehari selepas kemunculan DeepSeek, mencerminkan kebimbangan pelabur terhadap kemungkinan gangguan dalam permintaan terhadap pusat data berskala besar.

Para pelabur yang menjangkakan perubahan dalam landskap AI yang disebabkan oleh kemunculan model DeepSeek yang lebih cekap, telah menyesuaikan portfolio mereka, menyebabkan perubahan mendadak dalam harga saham yang berkaitan dengan pengkomputeran AI, perkhidmatan awan dan penyimpanan data.

Antara syarikat yang paling terkesan, YTL Power menjadi tumpuan utama pelabur kerana pelaburannya yang besar dalam infrastruktur superkomputer berasaskan AI. Pada Disember 2023, syarikat itu mengumumkan kerjasama bernilai AS\$4.3 bilion dengan NVIDIA untuk membangunkan kemudahan pengkomputeran awan dan superkomputer yang dikuasakan oleh AI, dengan harapan dapat memanfaatkan lonjakan permintaan terhadap pengkomputeran AI. Strategi ini bergantung pada andaian bahawa penggunaan AI akan terus mendorong permintaan jangka panjang terhadap pusat data berskala besar yang memerlukan ruang pelayan, bekalan tenaga serta infrastruktur yang kukuh.

Namun, kemunculan model AI berkecekapan tinggi seperti DeepSeek telah menimbulkan ketidaktentuan. Jika model AI pada masa hadapan semakin kurang bergantung pada kuasa pengkomputeran berskala besar, model perniagaan YTL Power, yang melibatkan penyewaan kapasiti pengkomputeran berskala besar, mungkin berdepan risiko.

Pada 27 Januari 2025, harga saham YTL Power merosot 10.8% kepada RM3.22, meletakkan nilai pasaran syarikat pada RM26.63 bilion. Kebimbangan terhadap model AI DeepSeek yang mampu mengurangkan permintaan terhadap pusat data berskala besar mencetuskan kegelisahan dalam kalangan pelabur. Di samping itu, cadangan penerbitan bonus syarikat untuk mengeluarkan waran tidak boleh diniagakan turut menimbulkan persoalan terhadap pencairan saham serta had perdagangan.

Berbeza dengan YTL Power, yang terdedah secara langsung pada infrastruktur pengkomputeran berasaskan AI, Mah Sing mengambil pendekatan yang lebih meluas dan lebih pelbagai.

Menerusi usaha sama dengan Bridge Data Centres, Mah Sing tidak menumpukan sepenuhnya kepada pengkomputeran AI, sebaliknya syarikat itu sedang membangunkan pusat data yang lebih umum untuk penyimpanan awan dan infrastruktur IT. Strategi mempelbagaian ini bakal mengurangkan kebergantungan kepada pusat data

² DeepSeek drags down YTL, tech stocks, *The Star*, <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2025/01/28/deepseek-dragsdown-ytl-tech-stocks>

berintensifkan AI yang permintaannya mungkin lebih perlahan selepas kejayaan DeepSeek.

Disebabkan pendedahan yang lebih rendah terhadap turun naik sektor AI, saham Mah Sing mencatatkan penurunan yang sederhana sebanyak 4.17% kepada RM1.38. Pelabur menyedari strategi syarikat yang tidak bergantung kepada permintaan AI semata-mata telah memberikannya kelebihan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pasaran infrastruktur digital.

Walaupun pasaran memberikan reaksi negatif, kerajaan Malaysia kekal optimis terhadap potensi DeepSeek. Menteri Digital, Gobind Singh Deo, menyatakan bahawa Malaysia tidak melihat DeepSeek sebagai ancaman, sebaliknya peluang untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai hab AI dan pengkomputeran awan serantau. Walaupun sesetengah negara menyatakan kebimbangan terhadap isu keselamatan data yang berkaitan AI sumber terbuka, Malaysia lebih menumpukan pada usaha menggalakkan penerapan AI melalui dasar yang menyokong, bagi memastikan pelabur pusat data dapat menyesuaikan diri dengan situasi ini. Kerajaan berhasrat menarik lebih banyak pelaburan dalam AI dan pengkomputeran awan dengan mengekalkan persekitaran kawal selia yang fleksibel, pada masa yang sama terus membangunkan infrastruktur digital.

Titik Perubahan untuk AI dan Pelaburan

Seperti mana kenderaan elektrik (EV) mengubah industri automotif, DeepSeek kini sedang merombak keperluan infrastruktur AI. Apabila EV menjadi lebih cekap, permintaan terhadap bahan api menurun, mencetuskan kebimbangan dalam kalangan syarikat minyak dan gas. Bagaimanapun, sektor tenaga telah menyesuaikan diri dengan melabur dalam tenaga boleh dibaharui, rangkaian pengecasan EV serta teknologi bateri untuk kekal berdaya saing.

Dalam perkembangan yang sama, syarikat yang mampu menyesuaikan strategi mereka, sama ada dengan memberikan tumpuan pada perkhidmatan awan, pengoptimuman AI atau keselamatan data, akan lebih bersedia untuk mencapai kejayaan jangka panjang seiring dengan peningkatan kecekapan model AI.


Pemegang saham minoriti perlu kekal maklum tentang perkembangan ini. Ramai mungkin telah melabur dalam syarikat yang bergantung pada pengembangan pusat data, dengan jangkaan bahawa AI akan terus memacu permintaan yang berterusan. Bagaimanapun, dengan kemunculan DeepSeek, landskap AI kini sedang berubah dan syarikat yang gagal menyesuaikan diri mungkin menghadapi cabaran besar.

Para pelabur perlu memantau dengan lebih dekat tentang cara syarikat proksi AI seperti YTL Power, Mah Sing dan saham berkaitan teknologi lain memperhalus strategi mereka mengikut perubahan semasa. Syarikat yang beralih ke arah perkhidmatan awan berasaskan AI, keselamatan siber dan penyelesaian data yang lebih cekap masih boleh merebut peluang pertumbuhan, walaupun infrastruktur AI mengalami perubahan.

Peranan Malaysia sebagai hab digital kekal kukuh, dan gangguan teknologi sentiasa mencipta risiko dan peluang baharu. Syarikat yang mengenal pasti perubahan ini dengan lebih awal serta mengubahsuai model perniagaan sejajar dengan trend baharu AI akan muncul lebih kukuh. Kuncinya adalah memahami kesan perubahan trend, menilai pelaburan secara teliti serta melihat menjangkau turun naik jangka pendek untuk membuat keputusan yang bijak dan strategik dalam ekonom digital yang sentiasa berubah.

[TAMAT]

Pengumuman Khas



13 MARCH 2025 | THURSDAY
8:30 AM - 4:00 PM
AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KL

1 DAY COURSE

Registration Fee **RM1,800**


Early Bird (Before 28 February 2025) **RM1,600**

Group of 2 or more **RM1,600**

All prices are subject to any applicable government tax.

All MSWG subscribers enjoy special rate for registration.
 Please contact us for more details.

Register now



Scan the QR code or click here

For more info, please contact:
Khalidah Khalil
 +6017 630 0754
 khalidah@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group
 Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (20-0001022382)

Level 23-2, Menara AIA Sentral
 No.30, Jalan Sultan Ismail
 50250 Kuala Lumpur, Malaysia
 +603 2732 0010
 www.mswg.org.my

Navigating the National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements

Programme Overview

In September 2024, the Securities Commission Malaysia announced implementation of the National Sustainability Reporting Framework (NSRF). It mandates IFRS Sustainability Disclosure Standards (ISSB Standards) for listed and large non-listed companies. The framework aims to enhance transparency, accountability and business resilience, aligning the nation's sustainability goals. In December 2024, Bursa Malaysia announced corresponding amendments to the Listing Requirements. Compliance will be phased, starting in 2025 for large Main Market PLCs, extending to others by 2027.

Part 1 | 8.30 am - 10.00 am

Developments in the International Sustainability Reporting Landscape

- Commonly adopted sustainability reporting frameworks
- How the ISSB was formed and global adoption trends
- Adoption timelines for Malaysia – NSRF and Bursa Listing Requirements
- Design and applicability of the standards:
 - IFRS S1** – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information
 - IFRS S2** – Climate-related Disclosures
- Future developments in the pipeline

Part 2 | 10.30 am - 12.00 pm

IFRS S1 – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information

- Conceptual foundations
 - Materiality
 - Reporting Entity
- How to shortlist financially material sustainability matters
- Sources of Guidance (SASB, GRI, ESRS)
- Statement of Compliance
- Treatment of Errors

Part 3 | 1.00 pm - 2.30 pm


IFRS S2 – Climate-Related Disclosures

- TCFD 101 as a foundation for IFRS S2**
 - Climate Risks: Physical and Transition Risks
- IFRS S2 – Core content**
 - Governance, Strategy, Risk Management, Metrics and Targets

Part 4 | 2.45 pm - 4.00 pm

Transitioning to an ISSB Report and other key considerations:

- Reliefs – Proportionality and scalability mechanisms
 - Without undue cost or effort
 - Consideration of skills, capabilities and resources
- What would an ISSB Report look like versus the current sustainability report formats
- Assurance of Sustainability Reports



Trainer's Profile
San Mei Kim

Mei Kim is a sustainability trainer. Prior to this, she was the former Sustainability Lead, Corporate Governance and Sustainability with the Regulation function at Bursa Malaysia. She co-led the development of key sustainability-related initiatives for the Malaysian capital market. This includes putting in place enhancements to Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Framework (consisting of the listing requirements, sustainability reporting guides and related toolkits) as well as capacity building initiatives for public listed companies.

She is a GRI Certified Sustainability Professional and holds a Master in Sustainable Development Management from the Jeffrey Sachs Centre (Sunway University). She is also a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) and the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.